

NO SOALAN : 337

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**

**SOALAN NO. 337**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan sistem penuaian air hujan (*Rainwater Harvesting*) di Malaysia setelah pindaan terhadap UBBL (*Uniform Building By Laws*) 1984 pada awal tahun 2012.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, 10 negeri telah mewartakan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) melalui pindaan Undang-undang Kecil 2, 10 dan 115 untuk melaksanakan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH).

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan SPAH bagi negeri-negeri yang diwartakan tersebut adalah mandatori dan perlu dipatuhi bagi kategori bangunan seperti berikut:

- (i) Rumah Berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100m<sup>2</sup> sahaja;
- (ii) Rumah Banglo yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100m<sup>2</sup> sahaja; dan
- (iii) Bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100m<sup>2</sup>.

3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara berterusan mengumpulkan rekod pemasangan SPAH bagi setiap pemajuan yang dilaksanakan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sejak 2015 hingga 2018, sebanyak 2,677 projek dan 16,668 bangunan telah memasang SPAH.

Sekian, terima kasih.